

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

DEFINITIONS

For the purpose of these Terms and Conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires: -

- a) **"BMMB"** or **"the Bank"** (whichever is applicable) means Bank Muamalat Malaysia Berhad (Company No. 196501000376 (6175-W)), an Islamic Banking Institution incorporated in Malaysia under the Companies Act 2016 and licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and its registered address at Level 30, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.
- b) **"Campaign"** means "Kembara Merdeka" Campaign where details are set out in these Terms and Conditions.
- c) **"Customer/Participant"** means Individual who are participating in this Campaign.
- d) **"ATLAS"** refers to the ATLAS by Bank Muamalat Malaysia Berhad services or the Bank's Digital Banking services.
- e) **"ATLAS VDC/Card"** means the product of ATLAS Virtual Debit Card-i offered by BMMB through the ATLAS Platform.
- f) **"ATLAS Platform"** refers to the digital banking platform provided by Bank Muamalat Malaysia Berhad, known as ATLAS, through the mobile application.
- g) **"ATLAS SA"** means the ATLAS Savings Account-i (Tawarruq) product offered by BMMB through the ATLAS Platform.
- h) **"Savings Pouch"** means a sub-account under your ATLAS Savings Account-i that allows you to set aside funds for specific savings goals.
- i) **"Campaign Points"** means the campaign-specific points earned by a Participant for completing eligible campaign activities as set out in these Terms and Conditions. The Points are solely for this Campaign to determine the Participant's ranking on the Leaderboard and are not associated with any other rewards or loyalty programme offered by the Bank.

DEFINISI

Bagi maksud terma dan syarat ini, perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan berikut hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya: -

- a) **"BMMB"** atau **"Bank"** (yang mana berkenaan) bermakna Bank Muamalat Malaysia Berhad (No. Syarikat 196501000376 (6175-W)), Institusi Perbankan Islam yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan alamat berdaftar di Tingkat 30, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.
- b) **"Kempen"** bermaksud Kempen "Kembara Merdeka" yang mana butir-butir dinyatakan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat di sini.
- c) **"Pelanggan/Peserta"** bermaksud individu yang menyertai Kempen ini.
- d) **"ATLAS"** merujuk kepada perkhidmatan ATLAS atau perkhidmatan Perbankan Digital Bank Bank Muamalat Malaysia Berhad.
- e) **"KDM ATLAS/Kad"** bermaksud produk Kad Debit-i Maya ATLAS yang ditawarkan oleh BMMB melalui Platform ATLAS.
- f) **"Platform ATLAS"** merujuk kepada platform perbankan digital yang disediakan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad, dikenali sebagai ATLAS, sama ada melalui aplikasi mudah alih.
- g) **"AS ATLAS"** bermaksud produk Akaun Simpanan-i ATLAS yang ditawarkan oleh BMMB melalui platform ATLAS.
- h) **"Tabung Simpanan"** bermaksud sub-akaun di bawah Akaun Simpanan-i ATLAS anda yang membolehkan anda mengasingkan dana untuk matlamat simpanan tertentu.
- i) **"Mata Kempen"** bermaksud mata ganjaran khusus bagi Kempen yang diperoleh oleh Peserta melalui aktiviti Kempen yang layak seperti yang dinyatakan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Mata ini adalah khusus untuk Kempen ini bagi menentukan kedudukan Peserta dalam Carta Kedudukan (Leaderboard) dan tidak berkaitan dengan mana-mana program ganjaran atau kesetiaan lain yang ditawarkan oleh Bank.

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

- j) **"Leaderboard"** means the ranking of Participants based on the total Campaign Points accumulated during the Campaign Period.
- k) **"Campaign Phase"** means each of the five (5) stages of the Campaign as set out in Clause 3, with each phase themed around a milestone in Malaysia's road to independence journey.
- l) **"Merdeka Battle Quiz"** means the themed Malaysian history quiz that a Participant is required to complete during each Campaign Phase (Phase 1 to Phase 4) in order to earn Campaign Points.
- m) **"NRIC"** means the **National Registration Identity Card (MyKad) number** issued by the National Registration Department of Malaysia.
- n) **"Referrer(s)"** refers to a person who shares their referral code/phone number with others.
- o) **"Referee"** refers to an individual who opens and activates an ATLAS Savings Account-i based on the Referrer's introduction.
- j) **"Carta Kedudukan (Leaderboard)"** bermaksud kedudukan Peserta berdasarkan jumlah Mata Kempen yang terkumpul sepanjang Tempoh Kempen.
- k) **"Fasa Kempen"** bermaksud setiap satu daripada lima (5) peringkat Kempen seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3, dengan setiap fasa bertemakan satu pencapaian penting dalam perjalanan Malaysia menuju kemerdekaan.
- l) **"Kuiz Pertempuran Merdeka"** bermaksud kuiz bertemakan sejarah Malaysia yang perlu diselesaikan oleh Peserta pada setiap Fasa Kempen (Fasa 1 hingga Fasa 4) bagi memperoleh Mata Kempen.
- m) **"NRIC"** bermaksud **nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (MyKad)** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia.
- n) **"Perujuk"** merujuk kepada individu yang berkongsi kod rujukan/nombor telefon mereka dengan individu lain.
- o) **"Dirujuk"** merujuk kepada individu yang membuka dan mengaktifkan Akaun Simpanan-i ATLAS berdasarkan pengenalan daripada Perujuk.

For clarity, any reference in these Terms to "ATLAS" or "the Bank" shall be construed interchangeably and shall refer to the same party, namely ATLAS, unless the context expressly requires otherwise.

Untuk penjelasan, sebarang rujukan dalam Terma-terma ini kepada "ATLAS" atau "Bank" hendaklah ditafsirkan secara bergantian dan merujuk kepada pihak yang sama, iaitu BMMB, melainkan jika konteks dengan nyata menghendaki sebaliknya.

1. CAMPAIGN PERIOD

- 1.1. This Campaign shall run from **24 August 2026 to 27 September 2026** (both dates inclusive) (the **"Campaign Period"**).
- 1.2. Any Campaign Activity performed before or after the Campaign Period shall not be eligible to earn Campaign Points.
- 1.3. The Bank will notify the Participants once the Campaign Period ends through an official announcement via its communication channels (such as the website, mobile app, social media platforms, or any other channel deemed appropriate by the Bank).

1. TEMPOH KEMPEN

- 1.1. Kempen ini akan berlangsung dari **24 Ogos 2026** hingga **27 September 2026** (termasuk kedua-dua tarikh) (**"Tempoh Kempen"**).
- 1.2. Sebarang aktiviti Kempen yang dilakukan sebelum atau selepas Tempoh Kempen tidak layak untuk memperoleh Mata Kempen.
- 1.3. Bank akan memaklumkan kepada Peserta sebaik sahaja Tempoh Kempen tamat melalui pengumuman rasmi menerusi saluran komunikasi (seperti laman web, aplikasi mudah alih, platform media sosial, atau mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai oleh Bank).

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

2. ELIGIBILITY & CRITERIA

2.1. The following Customers are **ELIGIBLE** to participate in the Campaign:-

- (a) **Individual** – All new and existing Customer aged 18 years and above with a valid MyKad.
- (b) Customers must have an active ATLAS Savings Account-i. Existing ATLAS Savings Account-i holders are automatically eligible upon commencement of the Campaign Period, with no additional registration or entry requirement.
- (c) New Customers must first register and activate their ATLAS Savings Account-i in accordance with the ATLAS Savings Account-i Terms & Conditions issued by the Bank, before they can participate and earn Campaign Points.
- (d) The ATLAS Savings Account-i must remain active and in good standing (i.e., not suspended, restricted, or under closure process) throughout the Campaign Period and at the time of prize fulfilment.
- (e) Employees (permanent or contract) of the Bank and its subsidiaries are eligible to participate in this Campaign, **except as stated in Clause 2.2. (a) below.**

2.2. The following Customers are **NOT ELIGIBLE** to participate in the Campaign:-

- (a) Employees of the Digital Banking Department of Bank Muamalat Malaysia Berhad are **not eligible to participate in this Campaign.**

2. KELAYAKAN & KRITERIA

2.1. Pelanggan-pelanggan berikut adalah **LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:-

- (a) **Individu** – Semua Pelanggan baharu dan sedia ada yang berumur 18 tahun ke atas dan memegang MyKad yang sah.
- (b) Pelanggan mesti mempunyai Akaun Simpanan-i ATLAS yang aktif. Pemegang Akaun Simpanan-i ATLAS sedia ada adalah layak secara automatik untuk menyertai Kempen ini apabila Tempoh Kempen bermula, tanpa sebarang keperluan pendaftaran atau syarat penyertaan tambahan.
- (c) Pelanggan baharu mesti mendaftar dan mengaktifkan Akaun Simpanan-i ATLAS mengikut Terma-terma & Syarat-syarat Akaun Simpanan-i ATLAS yang dikeluarkan oleh Bank, sebelum boleh menyertai dan memperoleh Mata Kempen.
- (d) Akaun Simpanan-i ATLAS mestilah kekal aktif dan dalam keadaan baik (iaitu tidak digantung, disekat atau dalam proses penutupan) sepanjang Tempoh Kempen dan semasa proses pemberian hadiah.
- (e) Kakitangan Bank dan anak syarikatnya, sama ada berstatus tetap atau kontrak, adalah layak untuk menyertai Kempen ini, **kecuali sebagaimana dinyatakan dalam Klausula 2.2. (a) di bawah.**

2.2. Pelanggan-pelanggan berikut adalah **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini: -

- (a) Kakitangan Jabatan Perbankan Digital Bank Muamalat Malaysia Berhad adalah **tidak layak untuk menyertai Kempen ini.**

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

3. CAMPAIGN MECHANICS

3.1. The Campaign consists of five (5) weekly phases as follows:-

Phase	Campaign Period	Theme
Week 1	24 August 2026 – 30 August 2026	1946 – Malayan Union
Week 2	31 August 2026 – 6 September 2026	1948 – Federation of Malaya
Week 3	7 September 2026 – 13 September 2026	1957 – Independence Day
Week 4	14 September 2026 – 20 September 2026	1963 – Malaysia Day
Week 5	21 September 2026 – 27 September 2026	2026 – Modern Malaysia

3.2. Campaign Points shall be awarded based on the qualifying activities as follows:-

No.	Qualifying Activity	Campaign Points
1	Perform DuitNow QR transaction of RM10 or more per transaction to merchant.	2
2	Register DuitNow ID using mobile number and/or NRIC.	2
3	Spend RM50 or more using Card.	5
4	Apply for Personal Financing-i through the designated channel.	5
5	Participate in the designated Merdeka Battle Quiz.	5
6	Deposit RM690 or more into Savings Pouch named "MERDEKA".	10
7	Refer a friend through the designated ATLAS referral mechanism.	10

3.3. Campaign Points shall only be awarded upon successful completion and verification of the relevant qualifying activities by the Bank.

3.4. For the avoidance of doubt, incomplete, unsuccessful, reversed, cancelled, rejected or fraudulent transactions shall not qualify for Campaign Points.

3. MEKANISME KEMPEN

3.1. Kempen ini terdiri daripada lima (5) fasa mingguan seperti berikut:-

Fasa	Tempoh Kempen	Tema
Minggu 1	24 Ogos 2026 – 30 Ogos 2026	1946 – Malayan Union
Minggu 2	31 Ogos 2026 – 6 September 2026	1948 – Persekutuan Tanah Melayu
Minggu 3	7 September 2026 – 13 September 2026	1957 – Hari Kemerdekaan
Minggu 4	14 September 2026 – 20 September 2026	1963 – Hari Malaysia
Minggu 5	21 September 2026 – 27 September 2026	2026 – Malaysia Moden

3.2. Mata Ganjaran Kempen akan diberikan berdasarkan aktiviti yang layak seperti berikut:-

No.	Aktiviti Yang Layak	Mata Kempen
1	Melakukan transaksi DuitNow QR bernilai RM10 atau lebih bagi setiap transaksi kepada premis perniagaan.	2
2	Daftar DuitNow ID menggunakan nombor telefon bimbit dan/atau NRIC.	2
3	Berbelanja sebanyak RM50 atau lebih menggunakan Kad.	5
4	Membuat permohonan Pembiayaan Peribadi-i melalui saluran yang ditetapkan.	5
5	Menyertai Merdeka Battle Quiz yang ditetapkan.	5
6	Deposit sebanyak RM690 atau lebih ke dalam Tabung Simpanan yang dinamakan "MERDEKA".	10
7	Membuat rujukan kepada rakan melalui mekanisme rujukan ATLAS yang ditetapkan.	10

3.3. Mata Kempen hanya akan diberikan setelah aktiviti-aktiviti yang layak berjaya dilaksanakan dan disahkan oleh Bank.

3.4. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi yang tidak lengkap, tidak berjaya, dibatalkan, dipulangkan, ditolak atau dikenal pasti sebagai penipuan tidak akan melayakkan Peserta Yang Layak menerima Mata Kempen.

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

3.5. Unless otherwise stated by the Bank, each qualifying activity may only earn Campaign Points in accordance with the applicable mechanics and eligibility criteria prescribed by the Bank.

3.5. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank, setiap aktiviti yang layak hanya akan diberikan Mata Kempen berdasarkan mekanisme dan kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh Bank.

3.6. **DuitNow QR Transaction:**

3.6. **Transaksi DuitNow QR:**

3.6.1 An Eligible Participant shall be awarded **two (2) Campaign Points for each successful DuitNow QR transaction of RM10.00 or more** made through the ATLAS platform during the Campaign Period.

3.6.1 Peserta Yang Layak akan diberikan **dua (2) Mata Kempen bagi setiap transaksi DuitNow QR yang berjaya bernilai RM10.00 atau lebih** yang dilakukan melalui platform ATLAS sepanjang Tempoh Kempen.

3.6.2 To qualify for Campaign Points, the DuitNow QR transaction must:

3.6.2 Untuk melayakkan diri menerima Mata Kempen, transaksi DuitNow QR tersebut hendaklah:

- (a) be successfully performed using the Eligible Participant's ATLAS account;
- (b) have a minimum transaction amount of **RM10.00 per transaction**;
- (c) be made to a **valid DuitNow QR merchant**;
- (d) be successfully processed and recorded in the Bank's system; and
- (e) remain valid and not subsequently be cancelled, reversed, refunded or disputed.

- (a) dilakukan dengan berjaya menggunakan Akaun ATLAS Peserta Yang Layak;
- (b) mempunyai nilai minimum **RM10.00 bagi setiap transaksi**;
- (c) dibuat kepada **peniaga DuitNow QR yang sah**;
- (d) berjaya diproses dan direkodkan dalam sistem Bank; dan
- (e) kekal sah serta tidak dibatalkan, dipulangkan, dikembalikan atau dipertikaikan kemudiannya.

3.6.3 For the avoidance of doubt, **Person-to-Person ("P2P") DuitNow QR transactions shall not qualify for Campaign Points.**

3.6.3 Untuk mengelakkan keraguan, **transaksi DuitNow QR antara individu ("Person-to-Person" atau "P2P") tidak akan melayakkan Peserta Yang Layak menerima Mata Kempen.**

3.6.4 The following transactions shall not qualify for Campaign Points:

3.6.4 Transaksi berikut tidak akan melayakkan Peserta Yang Layak menerima Mata Kempen:

- (a) failed, cancelled, reversed or refunded transactions;
- (b) Person-to-Person ("P2P") DuitNow QR transactions;
- (c) duplicate transactions;
- (d) fraudulent, suspicious or unauthorised transactions; and

- (a) transaksi yang gagal, dibatalkan, dipulangkan atau dikembalikan;
- (b) transaksi DuitNow QR antara individu ("Person-to-Person" atau "P2P");
- (c) transaksi pendua;
- (d) transaksi yang melibatkan penipuan, mencurigakan atau tidak dibenarkan; dan

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

(e) transactions which, in the Bank's reasonable opinion, are made for the purpose of manipulating or abusing the Campaign mechanics.

3.6.5 The Bank reserves the right to determine the validity of any DuitNow QR transaction based on the Bank's system records, and such determination shall be **final and conclusive**.

3.7. DuitNow ID Registration:

3.7.1 An Eligible Participant shall be awarded **two (2) Campaign Points** for each successful registration of a DuitNow ID using their **mobile number and/or NRIC through the ATLAS Platform** during the Campaign Period.

3.7.2 An Eligible Participant may earn Campaign Points for registering the **mobile number and NRIC separately**, subject to a maximum of **four (4) Campaign Points** for this activity, as follows:

(a) **two (2) Campaign Points** for successfully registering the **mobile number** as a DuitNow ID through the ATLAS Platform; and

(b) **two (2) Campaign Points** for successfully registering the **NRIC** as a DuitNow ID through the ATLAS Platform.

3.7.3 Each type of DuitNow ID registration may only earn Campaign Points **once during the Campaign Period**.

3.7.4 The registration must be successfully completed through the ATLAS Platform and reflected in the Bank's system to qualify for Campaign Points.

3.7.5 DuitNow ID registrations made prior to the Campaign Period shall not qualify for Campaign Points.

3.7.6 Participation in the DuitNow ID registration activity is subject to the **ATLAS DuitNow ID Terms and Conditions**, as amended from time to time.

(e) transaksi yang, pada pertimbangan munasabah Bank, dilakukan dengan tujuan memanipulasi atau menyalahgunakan mekanisme Kempen.

3.6.5 Bank berhak menentukan kesahihan mana-mana transaksi DuitNow QR berdasarkan rekod sistem Bank, dan keputusan tersebut adalah **muktamad dan konklusif**.

3.7. Pendaftaran DuitNow ID:

3.7.1 Peserta Yang Layak akan diberikan **dua (2) Mata Kempen** bagi setiap pendaftaran DuitNow ID yang berjaya menggunakan **nombor telefon bimbit dan/atau NRIC melalui Platform ATLAS** sepanjang Tempoh Kempen.

3.7.2 Peserta Yang Layak boleh memperoleh Mata Kempen bagi pendaftaran **nombor telefon bimbit dan NRIC secara berasingan**, tertakluk kepada maksimum **empat (4) Mata Kempen** bagi aktiviti ini, seperti berikut:

(a) **dua (2) Mata Kempen** bagi pendaftaran **nombor telefon bimbit** sebagai DuitNow ID melalui Platform ATLAS; dan

(b) **dua (2) Mata Kempen** bagi pendaftaran **NRIC** sebagai DuitNow ID melalui Platform ATLAS.

3.7.3 Setiap jenis pendaftaran DuitNow ID hanya boleh memperoleh Mata Kempen **sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen**.

3.7.4 Pendaftaran tersebut hendaklah berjaya dilakukan melalui Platform ATLAS dan direkodkan dalam sistem Bank untuk melayakkan Peserta Yang Layak menerima Mata Kempen.

3.7.5 Pendaftaran DuitNow ID yang telah dibuat sebelum Tempoh Kempen tidak akan melayakkan Peserta Yang Layak menerima Mata Kempen.

3.7.6 Penyertaan dalam aktiviti pendaftaran DuitNow ID adalah tertakluk kepada **Terma dan Syarat DuitNow ID ATLAS**, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

3.8. Card Spending:

- 3.8.1 An Eligible Participant shall be awarded **five (5) Campaign Points** upon successfully making a purchase of **RM50.00 or more using the Card** during the Campaign Period.
- 3.8.2 The transaction must be successfully completed and **posted to the Eligible Participant's Card account** to qualify for Campaign Points.
- 3.8.3 For the avoidance of doubt, **any repeated or recurring payment to a Buy Now, Pay Later ("BNPL") facility using the Card, where such payment activity is conducted primarily for the purpose of repeatedly earning Campaign Points, shall not qualify for Campaign Points.**
- 3.8.4 The following transactions shall not qualify for Campaign Points:
- (a) cancelled, reversed, refunded or disputed transactions;
 - (b) failed transactions;
 - (c) fraudulent, suspicious or unauthorised transactions;
 - (d) duplicate or repetitive transactions which, in the Bank's reasonable opinion, are conducted primarily for the purpose of accumulating Campaign Points; and
 - (e) any transaction which the Bank reasonably determines to be an **artificial, circular or non-genuine transaction** intended to manipulate or abuse the Campaign mechanics.

3.8. Perbelanjaan Menggunakan Kad:

- 3.8.1 Peserta Yang Layak akan diberikan **lima (5) Mata Kempen** setelah berjaya membuat pembelian bernilai **RM50.00 atau lebih menggunakan Kad** sepanjang Tempoh Kempen.
- 3.8.2 Transaksi tersebut hendaklah berjaya diselesaikan dan **diposkan ke akaun Kad Peserta Yang Layak** untuk melayakkan Peserta Yang Layak menerima Mata Kempen.
- 3.8.3 Untuk mengelakkan keraguan, **sebarang pembayaran berulang atau berkala kepada kemudahan Buy Now, Pay Later ("BNPL") menggunakan Kad, sekiranya aktiviti pembayaran tersebut dilakukan terutamanya bagi tujuan memperoleh Mata Kempen secara berulang, tidak akan melayakkan Peserta Yang Layak menerima Mata Kempen.**
- 3.8.4 Transaksi berikut tidak akan melayakkan Peserta Yang Layak menerima Mata Kempen:
- (a) transaksi yang dibatalkan, dipulangkan, dikembalikan atau dipertikaikan;
 - (b) transaksi yang gagal;
 - (c) transaksi yang melibatkan penipuan, mencurigakan atau tidak dibenarkan;
 - (d) transaksi pendua atau transaksi berulang yang, pada pertimbangan munasabah Bank, dilakukan terutamanya bagi tujuan memperoleh Mata Kempen; dan
 - (e) mana-mana transaksi yang pada pertimbangan munasabah Bank merupakan **transaksi tiruan, transaksi kitaran atau transaksi bukan tulen** yang bertujuan untuk memanipulasi atau menyalahgunakan mekanisme Kempen.

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

3.8.5 The Bank reserves the right to review the transaction pattern and determine the eligibility of any transaction for Campaign Points based on the Bank's system records. The Bank's decision shall be **final and conclusive**.

3.8.6 Participation in the card spending activity is subject to the **Terms and Conditions of ATLAS Virtual Debit Card-i**, as amended from time to time.

3.9. Personal Financing-i Application:

3.9.1 An Eligible Participant shall be awarded **five (5) Campaign Points** upon successfully submitting a Personal Financing-i application through the **ATLAS Platform** during the Campaign Period.

3.9.2 The application must be successfully submitted and recorded in the Bank's system to qualify for Campaign Points.

3.9.3 Submission of a Personal Financing-i application does not constitute approval or guarantee the approval of the Personal Financing-i facility.

3.9.4 The approval of the Personal Financing-i application shall remain subject to the Bank's prevailing **eligibility requirements, credit assessment, terms and conditions and approval criteria**.

3.10. Merdeka Battle Quiz:

3.10.1 Eligible Participants may participate in the **Merdeka Battle Quiz** during Week 1 to Week 4 of the Campaign Period, as specified in Clause 3.1.

3.10.2 An Eligible Participant shall be awarded **five (5) Campaign Points** upon successfully completing the Merdeka Battle Quiz, subject to the applicable quiz mechanics and requirements determined by the Bank.

3.8.5 Bank berhak menyemak corak transaksi dan menentukan kelayakan mana-mana transaksi untuk menerima Mata Kempen berdasarkan rekod sistem Bank. Keputusan Bank adalah **muktamad dan konklusif**.

3.8.6 Penyertaan dalam aktiviti perbelanjaan menggunakan kad adalah tertakluk kepada **Terma dan Syarat ATLAS Virtual Debit Card-i**, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

3.9. Permohonan Pembiayaan Peribadi-i:

3.9.1 Peserta Yang Layak akan diberikan **lima (5) Mata Kempen** setelah berjaya mengemukakan permohonan Pembiayaan Peribadi-i melalui **Platform ATLAS** sepanjang Tempoh Kempen.

3.9.2 Permohonan tersebut hendaklah berjaya dikemukakan dan direkodkan dalam sistem Bank untuk melayakkan Peserta Yang Layak menerima Mata Kempen.

3.9.3 Pengemukakan permohonan Pembiayaan Peribadi-i tidak bermaksud bahawa kemudahan Pembiayaan Peribadi-i tersebut telah diluluskan atau menjamin kelulusan kemudahan tersebut.

3.9.4 Kelulusan permohonan Personal Financing-i adalah tertakluk kepada **syarat kelayakan, penilaian kredit, terma dan syarat serta kriteria kelulusan Bank yang berkuat kuasa**.

3.10. Kuiz Pertempuran Merdeka:

3.10.1 Peserta Yang Layak boleh menyertai **Kuiz Pertempuran Merdeka** sepanjang Minggu 1 hingga Minggu 4 Tempoh Kempen, sebagaimana dinyatakan dalam Klausula 3.1.

3.10.2 Peserta Yang Layak akan diberikan **lima (5) Mata Kempen** setelah berjaya melengkapkan Kuiz Pertempuran Merdeka, tertakluk kepada mekanisme kuiz dan keperluan yang ditetapkan oleh Bank.

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

3.10.3 Campaign Points shall only be awarded upon successful completion and verification of the Merdeka Battle Quiz by the Bank.

3.10.4 Participation in the Merdeka Battle Quiz shall be subject to the **ATLAS Lifestyle and Loyalty Rewards Terms and Conditions**, as amended from time to time.

3.10.5 The Bank's decision on the validity of the quiz participation and the awarding of Campaign Points shall be **final and conclusive**.

3.11. Savings Pouch "Merdeka":

3.11.1 An Eligible Participant shall be awarded **ten (10) Campaign Points** upon successfully depositing a minimum of **RM690.00** into the Savings Pouch named "**MERDEKA**" through the ATLAS Platform during the Campaign Period.

3.11.2 The Eligible Participant must **maintain a minimum balance of RM690.00 in the Savings Pouch "MERDEKA" until 30 September 2026** to qualify for the Campaign Points. **Any withdrawal or reduction of the balance below RM690.00 before 30 September 2026 may result in the Eligible Participant being disqualified from receiving the Campaign Points.**

3.11.3 The deposit and minimum balance must be successfully processed and reflected in the Bank's system throughout the Campaign Period.

3.11.4 Any transaction which is cancelled, reversed, refunded, rejected or otherwise deemed invalid by the Bank shall not be taken into consideration in determining the qualifying balance.

3.11.5 Participation in the Savings Pouch "MERDEKA" activity is subject to the **ATLAS Savings Account-i Terms and Conditions**, as amended from time to time.

3.10.3 Mata Kempen hanya akan diberikan setelah penyertaan dalam Kuiz Pertempuran Merdeka berjaya diselesaikan dan disahkan oleh Bank.

3.10.4 Penyertaan dalam Kuiz Pertempuran Merdeka adalah tertakluk kepada **Terma dan Syarat ATLAS Lifestyle and Loyalty Rewards**, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

3.10.5 Keputusan Bank berhubung kesahihan penyertaan dalam kuiz dan pemberian Mata Kempen adalah **muktamad dan konklusif**.

3.11. Tabung Simpanan "Merdeka":

3.11.1 Peserta Yang Layak akan diberikan **sepuluh (10) Mata Kempen** setelah berjaya membuat deposit minimum sebanyak **RM690.00** ke dalam Tabung Simpanan yang dinamakan "**MERDEKA**" melalui Platform ATLAS sepanjang Tempoh Kempen.

3.11.2 Peserta Yang Layak hendaklah **mengekalkan baki minimum sebanyak RM690.00 dalam Tabung Simpanan "MERDEKA" sehingga 30 September 2026** untuk melayakkan diri menerima Mata Kempen. **Sebarang pengeluaran atau pengurangan baki sehingga menyebabkan baki kurang daripada RM690.00 sebelum 30 September 2026 boleh menyebabkan Peserta Yang Layak hilang kelayakan untuk menerima Mata Kempen.**

3.11.3 Deposit dan baki minimum tersebut hendaklah berjaya diproses dan direkodkan dalam sistem Bank sepanjang Tempoh Kempen.

3.11.4 Sebarang transaksi yang dibatalkan, dipulangkan, dikembalikan, ditolak atau sebaliknya dianggap tidak sah oleh Bank tidak akan diambil kira dalam menentukan baki yang melayakkan Peserta Yang Layak menerima Mata Kempen.

3.11.5 Penyertaan dalam aktiviti Tabung Simpanan "MERDEKA" adalah tertakluk kepada **Terma dan Syarat Akaun Simpanan-i ATLAS**, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

3.11.6 In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and the **ATLAS Savings Account-i Terms and Conditions** in relation to the operation of the Savings Pouch, the ATLAS Savings Account-i Terms and Conditions shall prevail.

3.11.6 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan **Terma dan Syarat Akaun Simpanan-i ATLAS** berkaitan pengendalian Simpanan Pouch, Terma dan Syarat Akaun Simpanan ATLAS-i hendaklah terpakai.

3.12. Referral Program:

3.12.1 An Eligible Participant shall be awarded **ten (10) Campaign Points** for each successful referral made through the **ATLAS Platform** during the Campaign Period.

3.12.2 For the purpose of this Campaign, a **successful referral** means that the Referee successfully:

- (a) downloads the ATLAS App;
- (b) opens an ATLAS Savings Account-i through the ATLAS Platform.

3.12.3 The referral must be made using the Eligible Participant's **Referral Code** or **Registered Phone Number** through the designated referral mechanism on the ATLAS Platform.

3.12.4 Only referrals that fulfil all the applicable requirements and are successfully activated during the Campaign Period shall be counted as successful referrals and qualify for Campaign Points.

3.12.5 An Eligible Participant shall be awarded **ten (10) Campaign Points for each successful referral**, subject to verification by the Bank.

3.12.6 In addition to the Campaign Points awarded for successful referrals, three (3) Eligible Participant who achieves the **highest number of successful referrals** during the Campaign Period shall be eligible to receive the **Special Referral Event Prize** as specified in **Appendix 1**.

3.12. Program Rujukan:

3.12.1 Peserta Yang Layak akan diberikan **sepuluh (10) Mata Kempen** bagi setiap rujukan yang berjaya dibuat melalui **Platform ATLAS** sepanjang Tempoh Kempen.

3.12.2 Bagi tujuan Kempen ini, **rujukan yang berjaya** bermaksud individu yang dirujuk ("Dirujuk") berjaya:

- (a) memuat turun Aplikasi ATLAS;
- (b) membuka Akaun Simpanan-i ATLAS melalui Platform ATLAS.

3.12.3 Rujukan hendaklah dibuat menggunakan **Kod Rujukan** atau **Nombor Telefon** Berdaftar milik Peserta Yang Layak melalui mekanisme rujukan yang ditetapkan di Platform ATLAS.

3.12.4 Hanya rujukan yang memenuhi semua syarat yang ditetapkan dan berjaya diaktifkan sepanjang Tempoh Kempen akan dikira sebagai rujukan yang berjaya dan melayakkan Peserta Yang Layak menerima Mata Kempen.

3.12.5 Peserta Yang Layak akan diberikan **sepuluh (10) Mata Kempen bagi setiap rujukan yang berjaya**, tertakluk kepada pengesahan oleh Bank.

3.12.6 Sebagai tambahan kepada Mata Kempen yang diberikan bagi rujukan yang berjaya, tiga (3) Peserta Yang Layak yang mencapai **bilangan rujukan yang berjaya tertinggi** sepanjang Tempoh Kempen akan layak menerima **Hadiah Acara Khas Rujukan** sebagaimana dinyatakan dalam **Lampiran 1**.

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

3.12.7 In the event of a tie in the number of successful referrals, the Bank shall determine the winner based on the criteria determined by the Bank.

3.12.8 Self-referrals, duplicate referrals, fraudulent referrals or referrals generated through any unauthorised means shall not be recognised as successful referrals and shall not qualify for Campaign Points or the Special Referral Event Prize.

3.12.9 The referral activity is subjected to the **Terms and Condition for Lifestyle – Loyalty and Rewards Program under ATLAS by Bank Muamalat**, as amended from time to time.

3.12.7 Sekiranya terdapat seri dalam bilangan rujukan yang berjaya, Bank akan menentukan pemenang berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Bank.

3.12.8 Rujukan sendiri, rujukan berganda, rujukan yang mempunyai unsur penipuan atau rujukan yang dibuat melalui kaedah yang tidak dibenarkan tidak akan diiktiraf sebagai rujukan yang berjaya dan tidak akan melayakkan Peserta Yang Layak menerima Mata Kempen atau Hadiah Acara Khas Rujukan.

3.12.9 Aktiviti rujukan adalah tertakluk kepada **Terma dan Syarat bagi Program "Lifestyle – Loyalty and Rewards" di bawah ATLAS by Bank Muamalat**, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

3.13. **Double Campaign Points:**

3.13.1 During **Week 5, from 21 September 2026 to 27 September 2026**, all Campaign Points earned from qualifying activities shall be **doubled**, subject to the eligibility and qualifying criteria specified in these Terms and Conditions.

3.13.2 The doubling of Campaign Points shall apply only to qualifying activities **successfully completed during Week 5**.

3.13.3 Campaign Points earned prior to Week 5 shall not be doubled or retrospectively adjusted.

3.13.4 The doubling of Campaign Points shall apply only to Campaign Points and shall not apply to any prizes, rewards or other benefits awarded separately under the Campaign.

3.13.5 The Bank reserves the right to rectify, deduct or invalidate any Campaign Points awarded due to system errors, duplicate awarding or any breach of these Terms and Conditions.

3.13. **Penggandaan Mata Kempen:**

3.13.1 Sepanjang **Minggu 5, dari 21 September 2026 hingga 27 September 2026**, semua Mata Kempen yang diperoleh daripada aktiviti yang layak akan **digandakan**, tertakluk kepada syarat kelayakan dan kriteria yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Kempen ini.

3.13.2 Penggandaan Mata Kempen hanya terpakai bagi aktiviti yang layak yang **berjaya disempurnakan sepanjang Minggu 5**.

3.13.3 Mata Kempen yang diperoleh sebelum Minggu 5 tidak akan digandakan atau diselaraskan secara retrospektif.

3.13.4 Penggandaan Mata Kempen hanya terpakai kepada Mata Kempen dan tidak terpakai kepada sebarang hadiah, ganjaran atau manfaat lain yang diberikan secara berasingan di bawah Kempen ini.

3.13.5 Bank berhak membetulkan, menolak atau membatalkan mana-mana Mata Kempen yang diberikan akibat kesilapan sistem, pemberian Mata Kempen secara berganda atau sebarang pelanggaran terhadap Terma dan Syarat Kempen ini.

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

3.14. Leaderboard:

- 3.14.1 Eligible Participants shall accumulate Campaign Points throughout the Campaign Period and shall be ranked based on their total accumulated Campaign Points.
- 3.14.2 An Eligible Participant must accumulate a minimum of **twenty (20) Campaign Points** to qualify for the Leaderboard.
- 3.14.3 Only the **Top twenty (20) Eligible Participants** with the **highest accumulated Campaign Points** shall be featured on the designated ATLAS social media platform.
- 3.14.4 Any updates to the Leaderboard shall be communicated through the designated ATLAS social media platform.
- 3.14.5 In the event of a tie, the Bank reserves the right to determine the ranking based on the date and time the Campaign Points were accumulated.
- 3.14.6 The Bank's records shall be **final and conclusive** in determining the Campaign Points and Leaderboard ranking.
- 3.14.7 **The Bank will publish winners' names in a masked format (e.g., A* B***).** Winners who do not wish to have their names published in any form may contact the Bank and request for their names to be excluded from publication.

3.15. Campaign Points Validation:

- 3.15.1 Campaign Points shall be calculated, recorded and verified based on the Bank's system records.
- 3.15.2 Campaign Points earned are **non-transferable and cannot be sold or exchanged for cash.**
- 3.15.3 The Bank reserves the right to adjust, deduct, invalidate or void any Campaign Points awarded due to:

3.14. Papan Kedudukan:

- 3.14.1 Peserta Yang Layak akan mengumpul Mata Kempen sepanjang Tempoh Kempen dan akan disenaraikan berdasarkan jumlah keseluruhan Mata Kempen yang terkumpul.
- 3.14.2 Peserta Yang Layak hendaklah mengumpul sekurang-kurangnya **dua puluh (20) Mata Kempen** untuk melayakkan diri dalam Papan Kedudukan.
- 3.14.3 Hanya **dua puluh (20) Peserta Yang Layak teratas** dengan **jumlah Mata Kempen tertinggi** akan dipaparkan di platform media sosial ATLAS.
- 3.14.4 Sebarang kemas kini Papan Kedudukan akan dimaklumkan melalui platform media sosial ATLAS yang ditetapkan.
- 3.14.5 Sekiranya terdapat jumlah Mata Kempen yang sama, Bank berhak menentukan kedudukan berdasarkan tarikh dan masa Mata Kempen tersebut diperolehi.
- 3.14.6 Rekod Bank adalah **muktamad dan konklusif** dalam menentukan Mata Kempen dan kedudukan Papan Kedudukan.
- 3.14.7 **Bank akan menyiarkan nama pemenang dalam format yang dilindungi/sebahagiannya disembunyikan** (contohnya, A* B***). Pemenang yang tidak bersetuju untuk nama mereka disiarkan dalam apa jua bentuk boleh menghubungi Bank dan membuat permohonan agar nama mereka dikecualikan daripada sebarang penerbitan.

3.15. Pengesahan Mata Kempen:

- 3.15.1 Mata Kempen akan dikira, direkodkan dan disahkan berdasarkan rekod sistem Bank.
- 3.15.2 Mata Kempen yang diperolehi adalah **tidak boleh dipindah milik, dijual atau ditukar dengan wang tunai.**
- 3.15.3 Bank berhak melaraskan, menolak, membatalkan atau menghapuskan mana-mana Mata Kempen yang diberikan disebabkan oleh:

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

- | | |
|--|---|
| (a) system errors; | (a) kesilapan sistem; |
| (b) duplicate transactions or duplicate awarding of Campaign Points; | (b) transaksi berganda atau pemberian Mata Kempen secara berganda; |
| (c) cancelled, reversed, refunded or invalid transactions; | (c) transaksi yang dibatalkan, dipulangkan, dipulangkan atau tidak sah; |
| (d) fraudulent, suspicious or unauthorised activities; | (d) aktiviti penipuan, mencurigakan atau tidak dibenarkan |
| (e) manipulation or abuse of the Campaign mechanics; or | (e) manipulasi atau penyalahgunaan mekanisme Kempen; atau |
| (f) any breach of these Terms and Conditions. | (f) sebarang pelanggaran terhadap Terma dan Syarat Kempen ini. |

3.15.4 The Bank may disqualify an Eligible Participant if the Bank reasonably believes that the Eligible Participant has manipulated, abused or attempted to manipulate the Campaign mechanics.

3.15.4 Bank boleh membatalkan kelayakan Peserta Yang Layak sekiranya Bank mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa Peserta Yang Layak telah memanipulasi, menyalahgunakan atau cuba memanipulasi mekanisme Kempen.

3.15.5 The Bank reserves the right to verify the validity of any Campaign Activity and Campaign Points before determining the Eligible Participant's eligibility for any prize or reward.

3.15.5 Bank berhak mengesahkan kesahihan mana-mana Aktiviti Kempen dan Mata Kempen sebelum menentukan kelayakan Peserta Yang Layak untuk menerima sebarang hadiah atau ganjaran.

4. PRIZES

- 4.1. Subject to the eligibility requirements and Campaign mechanics set out in these Terms and Conditions, prizes shall be awarded to Eligible Participants based on the **Leaderboard** ranking and the **Special Referral Event**, as specified in **Appendix 1**.
- 4.2. Eligible Participants ranked among the **Top twenty (20)** on the Leaderboard at the end of the Campaign Period shall be eligible to receive the respective prizes specified in **Appendix 1**.
- 4.3. Separately from the Leaderboard, the **three (3) Eligible Participants with the highest number of successful referrals** during the Campaign Period shall be eligible to receive the **Special Referral Event Prize** specified in **Appendix 1**.

4. HADIAH

- 4.1. Tertakluk kepada syarat kelayakan dan mekanisme Kempen yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, hadiah akan diberikan kepada Peserta Yang Layak berdasarkan **Carta Kedudukan** dan **Acara Rujukan Istimewa**, sebagaimana dinyatakan dalam **Lampiran 1**.
- 4.2. Peserta Yang Layak yang berada dalam **dua puluh (20) kedudukan teratas** di Carta Kedudukan pada akhir Tempoh Kempen akan layak menerima hadiah masing-masing sebagaimana dinyatakan dalam **Lampiran 1**.
- 4.3. Secara berasingan daripada Carta Kedudukan, **tiga (3) Peserta Yang Layak dengan bilangan rujukan yang berjaya tertinggi** sepanjang Tempoh Kempen akan layak menerima **Hadiah Acara Rujukan Istimewa** sebagaimana dinyatakan dalam **Lampiran 1**.

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

4.4. Eligibility for the Special Referral Event Prize is **independent of qualification for the Leaderboard**. An Eligible Participant may receive both a Leaderboard prize and a Special Referral Event Prize.

4.5. In the event of a tie, the Bank reserves the right to determine the winner based on the date and time the relevant qualifying activity was recorded in the Bank's system and/or such other criteria as determined by the Bank.

4.6. Prizes are subject to availability of stock. The Bank reserves the right to substitute any prize with another prize of equivalent value, with prior notice to the winner.

4.7. The prizes displayed in any advertisement or marketing materials are for illustrative purposes only. The actual colour, model, design or specifications of the prizes may differ, subject to availability.

4.8. The Bank's decision in relation to the eligibility, selection and awarding of prizes shall be **final and conclusive**.

5. WINNERS SELECTION & ANNOUNCEMENT

5.1 All winners will be determined, tracked and administered by the Campaign Team, and their eligibility will be validated prior to the crediting and/or fulfilment of the prizes.

5.2 In the event of a tie, where two (2) or more Participants have the same number of Campaign Points or successful referrals, as the case may be, priority will be given to the Participant who achieved the relevant milestone earlier. If the tie persists, the Bank reserves the right to determine the winner using such method as it considers appropriate, and the Bank's decision shall be final and binding.

5.3 Winners will be announced at the end of the Campaign Period through the official ATLAS communication channels.

5.4 Winners will be notified via official letter and/or telephone call, SMS or any other mode of communication acceptable to BMMB.

4.4. Kelayakan untuk Hadiah Acara Rujukan Istimewa adalah **berasingan dan tidak bergantung kepada kelayakan Carta Kedudukan**. Peserta Yang Layak boleh menerima kedua-dua hadiah Carta Kedudukan dan Hadiah Acara Rujukan Istimewa.

4.5. Sekiranya terdapat seri, Bank berhak menentukan pemenang berdasarkan tarikh dan masa aktiviti yang melayakkan tersebut direkodkan dalam sistem Bank dan/atau berdasarkan kriteria lain yang ditentukan oleh Bank.

4.6. Hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan stok. Bank berhak menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama, dengan memberikan maklumat terlebih dahulu kepada pemenang.

4.7. Hadiah yang dipaparkan dalam mana-mana iklan atau bahan pemasaran adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Warna, model, reka bentuk atau spesifikasi hadiah sebenar mungkin berbeza tertakluk kepada ketersediaan.

4.8. Keputusan Bank berhubung kelayakan, pemilihan dan pemberian hadiah adalah **muktamad dan konklusif**.

5. PEMILIHAN & PENGUMUMAN PEMENANG

5.1 Semua pemenang akan ditentukan, dijejaki dan diuruskan oleh Pasukan Kempen, dan kelayakan mereka akan disahkan sebelum hadiah dikreditkan dan/atau diserahkan.

5.2 Sekiranya berlaku seri, iaitu dua (2) atau lebih Peserta mempunyai jumlah Mata Kempen atau bilangan rujukan yang berjaya yang sama, mengikut mana-mana yang berkenaan, keutamaan akan diberikan kepada Peserta yang mencapai pencapaian tersebut terlebih dahulu. Sekiranya seri masih berlaku, Bank berhak menentukan pemenang melalui kaedah yang difikirkan sesuai oleh Bank, dan keputusan Bank adalah muktamad dan mengikat.

5.3 Pemenang akan diumumkan pada akhir Tempoh Kempen melalui saluran komunikasi rasmi ATLAS.

5.4 Pemenang akan dimaklumkan melalui surat rasmi dan/atau panggilan telefon, SMS atau apa-apa kaedah komunikasi lain yang diterima pakai oleh BMMB.

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

5.5 BMMB reserves the right to publish the names of the winners on the ATLAS website, social media and/or selected channels for advertising and publicity purposes, subject to the winner's consent under **Clause 7.11**.

5.6 If BMMB is unable to contact the winning participant after **three (3) email attempts and three (3) telephone call attempts**, BMMB reserves the right to select another eligible participant as a replacement and forfeit the original winner's prize.

5.7 All prizes, including the **Grand Prize, Consolation Prize and Special Referral Event reward**, where applicable, shall be delivered, fulfilled and/or credited to the respective winners within **three (3) months from the winner's announcement date**, subject to the completion of the Bank's verification process and the winner providing the necessary information.

5.8 The Bank's decision on the determination of winners shall be final and conclusive, and no appeal and/or objection shall be entertained.

6. PRIZE REDEMPTION

6.1. For non-cash prizes (Grand Prize items under Appendix I), the winner must claim the prize within 21 days after being notified by BMMB. Failing that, the unclaimed prize will be forfeited.

6.2. To claim the prize, the winner must produce their identification card for verification and sign the relevant form/declaration/nomination as required by BMMB.

6.3. The prizes are not transferable, nor exchangeable for cash, credit or any kind.

6.4. The winner is responsible for making the necessary arrangements with BMMB and/or its appointed distributor/agent to collect or redeem the prize. BMMB will not bear any transportation, delivery or other cost that the winner may incur in the course of redeeming or using the prize, unless otherwise stated.

5.5 BMMB berhak menerbitkan nama pemenang di laman sesawang ATLAS, media sosial dan/atau saluran terpilih bagi tujuan pengiklanan dan publisiti, tertakluk kepada persetujuan pemenang di bawah **Klausa 7.11**.

5.6 Sekiranya BMMB tidak dapat menghubungi pemenang selepas **tiga (3) percubaan melalui e-mel dan tiga (3) percubaan melalui panggilan telefon**, BMMB berhak memilih Peserta lain yang layak sebagai pemenang gantian dan membatalkan hadiah pemenang asal.

5.7 Semua hadiah, termasuk **Hadiah Utama, Hadiah Saguhati dan ganjaran Acara Rujukan Istimewa**, jika berkenaan, akan dihantar, diserahkan dan/atau dikreditkan kepada pemenang masing-masing dalam tempoh **tiga (3) bulan dari tarikh pengumuman pemenang**, tertakluk kepada penyelesaian proses pengesahan oleh Bank dan pemenang memberikan maklumat yang diperlukan.

5.8 Keputusan Bank berhubung penentuan pemenang adalah muktamad dan konklusif, dan tiada rayuan dan/atau bantahan akan dilayan.

6. TUNTUTAN HADIAH

6.1 Bagi hadiah bukan tunai (item Hadiah Utama di bawah Lampiran I), pemenang hendaklah menuntut hadiah dalam tempoh 21 hari selepas dimaklumkan oleh BMMB. Jika gagal, hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan.

6.2 Bagi tujuan tuntutan hadiah, pemenang perlu mengemukakan kad pengenalan mereka untuk pengesahan dan menandatangani borang/pengisytiharan/tuntutan sebagaimana yang dikehendaki oleh BMMB.

6.3 Hadiah tidak boleh dipindah milik, juga tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau seumpama dengannya.

6.4 Pemenang bertanggungjawab untuk membuat persediaan yang perlu dengan BMMB dan/atau pengedar/ejen yang dilantik untuk mengambil atau menebus hadiah mereka. BMMB tidak akan menanggung apa-apa kos pengangkutan, penghantaran atau lain-lain kos yang mungkin ditanggung oleh pemenang sepanjang proses menebus atau menggunakan Hadiah, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

6.5. BMMB accepts no responsibility for any tax responsibilities that may arise from the prize or the use thereof. Any tax filing obligations or tax payment due (if any) to any tax authority as a result of receipt of the prize remains the sole responsibility of the winner.

7. GENERAL TERMS

7.1 Customers are advised to read and understand the Terms and Conditions before participating in any of BMMB's campaigns and / or promotions.

7.2 To participate in the Bank's campaigns and / or promotions, Customer must fall within the Eligibility & Criteria of the Campaign.

7.3 By participating in the Campaign, the Customer is deemed to have agreed to be bound by the Terms and Conditions stipulated herein. The Customer also agrees and acknowledges that the Bank's decisions are final, and no appeal and/or objections will be entertained.

7.4 Any fraud and / or abuse relating to the deposits in ATLAS SA shall disqualify the participation of the Customer in the Campaign and the Bank shall take the necessary action on the Customer's account.

7.5 The Bank does not warrant that the Campaign shall not be uninterrupted and / or error free. By participating in the Campaign, Customer hereby acknowledges and irrevocably agrees that the Bank shall not in any manner whatsoever be liable for any loss, claim, compensation and damages incurred by Customer arising from the interruption and / or any error during the Campaign period unless such loss, claim, compensation and damages are attributable by the Bank's gross negligence and willful misconduct.

7.6 Bank shall administer the Campaign with due care and in compliance with all applicable regulatory requirements. Notwithstanding the foregoing, Bank is not responsible for any delays or failure to perform its obligations due to events beyond its reasonable control, including acts of God, war, riot, strike, lock-out, industrial action, fire, flood, technical or system failures, pandemic, epidemic, act of government or any other similar events.

6.5 BMMB dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah atau penggunaannya. Apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai tertanggung (jika ada) kepada pihak berkuasa cukai ekoran daripada penerimaan hadiah adalah di bawah tanggungjawab pemenang sepenuhnya.

7. TERMA-TERMA AM

7.1 Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma- terma dan Syarat-syarat sebelum mengambil bahagian di dalam mana- mana kempen dan / atau promosi Bank.

7.2 Pelanggan perlu memenuhi syarat Kelayakan & Kriteria Kempen bagi mengambil bahagian di dalam kempen dan / atau promosi Bank.

7.3 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan adalah dianggap telah bersetuju untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di sini. Pelanggan juga bersetuju dan mengakui bahawa keputusan Bank adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau bantahan tidak akan dilayan.

7.4 Mana-mana penipuan dan / atau penyalahgunaan yang berkaitan dengan deposit dalam AS ATLAS akan membatalkan penyertaan Pelanggan dalam Kempen ini dan Bank boleh mengambil tindakan yang bersesuaian pada akaun Pelanggan.

7.5 Bank tidak menjamin bahawa Kempen ini tidak akan tergendala dan /atau bebas dari kesilapan. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerugian, tuntutan, pampasan dan kerosakan yang terhasil daripada gangguan dan / atau sebarang kesilapan yang berlaku di dalam tempoh Kempen kecuali jika kerugian, tuntutan, pampasan dan ganti rugi adalah disebabkan oleh kecuaihan dan salah laku yang disengajakan Bank.

7.6 Bank akan menguruskan Kempen ini dengan penuh perhatian dan mematuhi semua keperluan peraturan yang terpakai. Walau bagaimanapun, Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan obligasinya akibat daripada peristiwa di luar kawalan munasabah Bank, termasuk bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan kerja, tindakan industri, kebakaran, banjir, kegagalan teknikal atau sistem, pandemik, epidemik, tindakan kerajaan atau peristiwa serupa lain.

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

7.7 Bank shall NOT be responsible for and shall NOT be liable for any losses or damages due to the following event (including but not limited):-

- (a) telephone, electronic, hardware or software program, network, internet, server or computer malfunctions, failures, interruptions, miscommunications or difficulties of any kind, whether human, mechanical or electrical, including without limitation to the incorrect or inaccurate capture of entry information online;
- (b) late, lost, delayed, misdirected, incomplete, illegible or unintelligible e-mails;
- (c) failed, incomplete, lost, garble, jumbled, interrupted, unavailable or delayed computer transmissions;
- (d) any situation resulting from events which are out of Bank's control which may result in the interruption or disruption of the Campaign;
- (e) any injuries, losses or damages of any kind arising in connection with or as a result of participation in the Campaign;
- (f) any printing or typographical errors in any materials associated with the Campaign; and
- (g) any claims by third party for infringement of intellectual property rights.

unless such losses or damages are attributable by the Bank's gross negligence and willful misconduct.

7.7 Bank TIDAK akan dipertanggungjawabkan dan TIDAK akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan akibat dari perkara berikut (termasuk tetapi tidak terhad kepada): -

- (a) telefon, elektronik, program perkakasan atau perisian, rangkaian, internet, pelayan atau kerosakan komputer, kegagalan, gangguan, salah faham atau sebarang kesulitan, sama ada secara kemanusiaan, mekanikal atau elektrik, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pengambilan maklumat kemasukan secara talian yang tidak betul atau tidak tepat;
- (b) kelewatan, kehilangan, salah arah, tidak lengkap, e-mel yang tidak boleh dibaca atau difahami;
- (c) kegagalan, tidak lengkap, kehilangan, mengelirukan, campur aduk, terganggu, tidak terdapat atau kelewatan transmisi komputer;
- (d) sebarang keadaan yang disebabkan oleh peristiwa yang di luar kawalan Bank yang mungkin menyebabkan Kempen tergendala atau rosak;
- (e) sebarang kecederaan, kehilangan atau kerosakan dalam sebarang bentuk disebabkan oleh atau bersangkutan dengan penyertaan di dalam Kempen;
- (f) sebarang kesilapan percetakan atau ejaan di dalam sebarang bahan yang bersangkutan dengan Kempen; dan
- (g) sebarang tuntutan oleh pihak ketiga ke atas pelanggaran hak harta intelek.

melainkan jika kerugian dan kerosakan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaiian dan salah laku yang disengajakan Bank.

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

- 7.8 Bank reserves the rights as it deems it fit to vary or change any of these Terms and Conditions with adequate notice. The Terms and Conditions may be varied or changed by the Bank by way of posting on the ATLAS's official website or in any other medium deemed suitable by the Bank. Customer who had participated in the Campaign is deemed to have accessed to the ATLAS's website and to have knowledge of and to have agreed to any changes or variations to the Terms and Conditions. Customer(s) agree that their continued participation in the Campaign will constitute their acceptance of the varied or changed Terms and Conditions.
- 7.9 Bank reserves the right to cancel, terminate or suspend this Campaign with prior notice at least 21 days prior to the cancellation / termination or suspension of this Campaign. For avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Campaign shall not entitle the accountholders to any claim or compensation against the Bank for any and all losses or damages suffered or incurred by the accountholders as a direct or indirect result of the act of cancellation, termination or suspension unless such losses or damages are attributable by the Bank's gross negligence, willful misconduct or fraud.
- 7.10 All eligible Customers of the Campaign shall be personally liable for all taxes, rates, government fees or any other charges that may be levied against them, under the applicable laws, if any, and installation costs, where applicable in relation to the Campaign.
- 7.11 Please read our Personal Data Protection Notice ("Notice") before participating in this Campaign. By participating in this Campaign, Customers hereby agree and consent to their data being collected, processed and used by ATLAS in accordance with the Personal Data Protection Act, 2010 and ATLAS Privacy Notice, which may be viewed on www.atlasmuamalat.com.my for:
- (i) The purposes of this Campaign; and
- 7.8 Bank berhak untuk mengubah atau menukar mana-mana bahagian daripada Terma-terma dan Syarat-syarat ini sepertimana yang dirasakan sesuai mana-mana bahagian daripada dengan notis yang secukupnya. Terma-terma dan Syarat-syarat ini boleh dipinda atau diubah oleh Bank melalui penyiaran di laman sesawang rasmi ATLAS atau dengan apa-apa cara yang dirasakan sesuai oleh Bank. Pelanggan yang telah menyertai Kempen ini dianggap mempunyai akses kepada laman sesawang rasmi Bank dan mempunyai pengetahuan mengenainya dan telah bersetuju dengan sebarang pertukaran atau perubahan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen. Pelanggan bersetuju bahawa penyertaan mereka yang berterusan dalam Kempen akan dikira sebagai penerimaan mereka terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat yang diubah atau ditukar.
- 7.9 Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi makluman terlebih dahulu sekurang-kurangnya 21 hari sebelum pembatalan / penamatan atau penggantungan Kempen ini. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan terhadap Kempen ini oleh Bank, pemegang akaun tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada Bank untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun secara langsung atau tidak langsung terhadap pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut kecuali kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan oleh kelalaian, salah laku atau penipuan Bank.
- 7.10 Semua pelanggan Kempen yang layak adalah secara peribadi bertanggungjawab untuk semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, dan kos pemasangan, jika berkenaan berhubung dengan Kempen.
- 7.11 Sila baca Notis Perlindungan Data Peribadi ("Notis") kami sebelum menyertai Kempen ini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan dengan ini bersetuju dan memberikan kebenaran bahawa data mereka boleh dikumpul, diproses dan digunakan oleh ATLAS selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 serta Notis Privasi ATLAS, yang boleh dirujuk di www.atlasmuamalat.com.my bagi:
- (i) Tujuan Kempen ini; dan

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

- (ii) Marketing and promotional activities, that are strictly limited to this Campaign only, and shall not be used for any general marketing purposes. Any use and/or publication of details provided in connection with this Campaign, including entries, interview materials, responses and related photographs, shall be solely for purposes directly related to this Campaign.

Notwithstanding the above, Bank shall protect the personal data of Customers, and the Customers may further agree to co-operate and participate in all reasonable advertising and publicity activities of ATLAS in relation to the Campaign without any compensation and/or consideration.

Customers may opt out from the above consent statement by contacting ATLAS through the contact number provided in these Terms & Conditions

7.12 Customer is advised to access ATLAS's Website from time to time to view the Terms and Conditions and to ensure to be kept up to date on any changes or variation to the Terms and Conditions thereof.

7.13 The Terms and Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to the ATLAS SA Terms and Conditions and the ATLAS Lifestyle Program Terms and Conditions. In the event of any inconsistency between the ATLAS SA Terms and Conditions, the ATLAS Lifestyle Program Terms and Conditions, and these Campaign Terms and Conditions, these Campaign Terms and Conditions shall prevail with regard to this Campaign.

7.14 The Terms and Conditions is also subject to rules, regulations and guidelines of Bank Negara Malaysia (BNM), Shariah Advisory Council of BNM, and of all prevailing provisions of the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA), Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing, Anti-Restricted Activity Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLA) and Personal Data Protection Act 2010 (PDPA).

- (ii) Aktiviti pemasaran dan promosi yang terhad kepada Kempen ini sahaja, dan tidak akan digunakan bagi tujuan pemasaran umum. Sebarang penggunaan dan/atau penerbitan maklumat yang diberikan berhubung dengan Kempen ini, termasuk penyertaan, bahan temu bual, jawapan dan gambar berkaitan, adalah semata-mata untuk tujuan yang berkaitan secara langsung dengan Kempen ini.

Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Bank akan melindungi data peribadi Pelanggan, dan Pelanggan juga boleh bersetuju untuk bekerjasama serta mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah oleh ATLAS berhubung dengan Kempen ini tanpa sebarang bayaran atau pertimbangan.

Pelanggan boleh memilih untuk menarik diri daripada pernyataan persetujuan di atas dengan menghubungi ATLAS melalui nombor telefon yang dinyatakan dalam Terma & Syarat ini.

7.12 Pelanggan adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang ATLAS dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat- Syarat Kempen untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat.

7.13 Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung di dalam ini adalah sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan kepada Terma dan Syarat AS ATLAS serta Terma dan Syarat Program "Lifestyle" ATLAS. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat AS ATLAS, Terma dan Syarat Program "Lifestyle" ATLAS dan Terma dan Syarat Kempen ini, Terma dan Syarat Kempen ini akan mengatasi bagi tujuan Kempen ini.

7.14 Terma dan Syarat ini tertakluk kepada peraturan serta garis panduan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), Majlis Penasihat Syariah, BNM dan semua peruntukan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan, Pencegahan Pembiayaan Aktiviti Terlarang dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) dan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010.

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

- 7.15 All parties are expected to understand and comply with the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (including any amendment thereof). The Bank reserves the right to report any actions or activities suspected of being criminal in nature to the police or other relevant authorities and include to terminate the transaction hereof.
- 7.16 The Terms and Conditions including the discretion and / or rights and / or power given to any parties under this document shall be subject to Shariah principles.
- 7.17 In the event of any inconsistency or discrepancy between the English version and the Malay version of the Terms and Conditions, the English version shall prevail. In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions at any brochures, marketing and promotional materials relating to the Campaign or its promotion, the Terms and Conditions shall prevail.
- 7.18 For more information, please contact our Customer Care Line at 03-20215888 or visit our website at www.atlasmuamalat.com.my.

- 7.15 Semua pihak perlu memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (termasuk sebarang pindaannya). Bank berhak untuk melaporkan tindakan atau aktiviti yang disyaki bersifat jenayah kepada polis atau pihak berkuasa lain yang berkaitan termasuk menghentikan transaksi ini.
- 7.16 Terma-terma dan Syarat-syarat adalah termasuk budi bicara dan / atau hak dan / atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.
- 7.17 Sekiranya terdapat ketidakselarasan atau percanggahan Terma-terma dan Syarat-syarat antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan terpakai. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara Terma-terma dan Syarat-syarat di mana-mana risalah, bahan pemasaran dan promosi yang berkaitan dengan Kempen, Terma dan Syarat ini akan terpakai.
- 7.18 Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank di 03-2021 5888 atau layari laman sesawang ATLAS di www.atlasmuamalat.com.my.

Effective 24 August 2026 – 27 September 2026 / Berkuat kuasa 24 Ogos 2026 – 27 September 2026

Appendix I / Lampiran I

The details of reward prizes are as follows/ Butiran ganjaran hadiah adalah seperti berikut:

A. Leaderboard / Papan Kedudukan :

Category / Kategori	Ranking / Kedudukan	Prize/ Hadiah	Total Number of Winners / Jumlah Pemenang
Grand Prize / Hadiah Utama	First Winner / Pemenang Pertama	iPhone 17 Pro	1
	Second Winner / Pemenang Kedua	Apple Watch Series 11 Sport Band	1
	Third Winner / Pemenang Ketiga	Xiaomi Robot Vacuum H50	1
Consolation Prize / Hadiah Saguhati	4 th Winner – 20 th Winner / Pemenang Ke-4 – Pemenang Ke-20	Cash Prize RM50 / Wang Tunai RM50	17

B. Special Referral Event / Acara Rujukan Istimewa

Rank / Kedudukan	Prize/ Hadiah	Total Number of Winners / Jumlah Pemenang
No. 1 Referrer / Perujuk No. 1	ATLAS Points worth RM69 / Mata ATLAS bernilai RM69	1
No. 2 Referrer / Perujuk No. 2	ATLAS Points worth RM63 / Mata ATLAS bernilai RM63	1
No. 3 Referrer / Perujuk No. 3	ATLAS Points worth RM57 / Mata ATLAS bernilai RM57	1